

**Najib Terima Kunjungan Delegasi Seminar Antarabangsa Wasatiyyah
Bernama**

7 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima kunjungan hormat delegasi Seminar Antarabangsa Wasatiyyah.

Pertemuan kira-kira setengah jam itu berlangsung di pejabat perdana menteri di bangunan Parlimen di sini.

Antara yang hadir pada pertemuan itu ialah Ketua Hakim Syarie Jordan Prof Dr Ahmad Muhammad Hleyyel; Timbalan Setiausaha Agung Pusat Wasatiyyah Antarabangsa Kuwait Dr Mutlaq Al-Qarawi; Timbalan Naib Canselor, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi Prof Dr Mahmoud Abdul Rahman Qadah dan Pengarah Pusat Wasatiyyah Islam dan Pembaharuan Al-Qaradhawi, Doha, Qatar, Prof Dr Muhamad Khalifah Hasan Ahmad Khalifah.

Najib dijadual merasmikan seminar antarabangsa tiga hari itu di Menara Felda, di sini esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028627>